

Zaihasrim b. Mohd Dawal

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Tuesday, July 4, 2017 9:04 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Program Latihan Bantu Atlet Golf AGN Bersedia Hadapi Persaingan



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT

Universiti Utara Malaysia

04 JULAI 2017 / 10 SYAWAL 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Unit Media AGN

PROGRAM LATIHAN BANTU ATLET GOLF AGN BERSEDIA HADAPI PERSAINGAN



UUM ONLINE: Untuk mendapatkan momentum permainan yang cemerlang dan sebagai persediaan menghadapi 29th World University Games (WUG) 2017 (Summer Universiade) di Taiwan pada Ogos nanti, seramai lima (5) orang atlet Akademi Golf Nasional Universiti Utara Malaysia (AGN) telah memulakan program latihan pusat fasa kedua di padang golf UUM sejak Sabtu lalu.

Program ini merupakan kesinambungan kepada latihan fasa pertama yang telah diadakan pada Mei lalu dan turut melibatkan lima (5) orang pelajar daripada Professional Golf Association (PGA) Tour Academy (PGATA), Amerika Syarikat (AS).

Menawarkan perkhidmatannya di Malaysia seawal tahun 2010, PGATA merupakan sebuah akademi golf yang berpangkalan di Florida, AS dan diiktiraf oleh PGA Tour dalam menyediakan perkhidmatan jurulatih PGA terkemuka kepada pemain golf yang menyertai program anjurannya.

PGATA terlibat secara langsung dengan program CIMB Junior Golfers di mana pemain junior di bawah program ini telah berjaya mendapat tempat pertama di kejohanan-kejohanan golf berprestij seperti Greg Norman International Masters, Callaway Junior World Golf Championship, TaylorMade World Masters of Junior Golf Tournament dan College Golf (West) Combine.

Pengendali program, Pro Shane Gillespie yang merupakan Ketua Jurulatih PGATA mempunyai pengalaman lebih sepuluh (10) tahun dalam kejurulatihan golf. Beliau mempunyai kepakaran dalam program pengembangan dan pembangunan pemain golf elit dari segi latihan serta pengajaran golf, *mental coaching*, kecergasan dan nutrisi.

Matlamat utama latihan pusat yang bermula pada 1 hingga 6 Jun 2017 ini adalah untuk menyediakan atlet yang mewakili negara dengan latihan yang mencukupi bagi menghadapi saingan kejohanan peringkat tertinggi yang mana tahap kejohanan jauh lebih kompetitif berbanding kejohanan tempatan.

“Latihan ini merupakan satu langkah proaktif untuk mendapatkan pandangan serta khidmat daripada jurulatih professional PGA bagi tujuan pembangunan berterusan kepada para atlet sekali gus dapat mendedahkan mereka kepada teknik serta corak permainan yang baik dalam usaha mencapai tahap prestasi yang konsisten dan cemerlang dalam sukan golf,” kata Prof. Madya Dr. Azman Yasin, Pengarah AGN ketika mengulas tentang tujuan utama penganjuran program latihan ini.

Tambahnya lagi, latihan pusat ini juga bertujuan untuk memastikan para atlet sentiasa fokus dan menetapkan sasaran yang realistik pada penyertaan kali ini yang mana sebahagian besar atlet yang terlibat bukan kali pertama menyertai kejohanan peringkat dunia itu dan mereka diharap dapat mencatat keputusan yang lebih baik berbanding penyertaan pada tahun 2014 di Switzerland.

Program latihan pusat ini adalah anjuran bersama AGN dengan Yayasan Rakyat 1Malaysia (YR1M), sebuah yayasan amal yang didedikasikan untuk memberi manfaat kepada rakyat Malaysia dari semua lapisan masyarakat selaras dengan prinsip 1Malaysia yang menumpukan kepada tiga bidang iaitu Meningkatkan Kualiti Kehidupan, Pendidikan dan Sukan.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.